

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

HMT 124 - Sejarah dan Nahu Tradisional Bahasa Melayu

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi Bahagian A dan Bahagian B. Jawab EMPAT soalan. Jawab DUA soalan daripada Bahagian A dan DUA soalan daripada Bahagian B.

Tulis nombor 1 hingga 6 berturutan di muka hadapan buku jawapan anda sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak. Beri tanda pangkah di hadapan nombor soalan yang tidak dijawab.

Bahagian A:

1. Soalan [a] dan [b] menggunakan petikan sebahagian transkripsi rumi (**Data 1a**) dan terjemahan bebas (dalam bahasa Melayu moden) (**Data 1b**) bahasa Melayu kuno yang diukir di batu bersurat Talang Tuwo (684 Masehi) yang berikut:

Data 1a

(1)swasti sri sakawarsatita 606 dim dwitiya suklapaksa wulan caitra sana tatkalanya parlak sriksetra ini niparwuat (2) parwanda punta hyang sri jayanasa ini pranidhananda punta hyang sawanakna yang nitanam di sini niyur pinang hanau ru (3) mwiya dngan samisrana yang kayu nimakan wuahna tataphi haur wuluh pattum ityewamadi punarapi yang parlak wukan (4) dngan tawad talaga sawanakna yang wuatku sucarita parawis prayojanakan punyana srawwasatwa sacaracara waro payana tmu (5) sukha di assanakala di antara margga lai tmu muah ya ahara dngan air nimumna sawanakna wuatna huma parlak mancak mu

Sumber: Coedes (1992: 47)

Data 1b

Selamat dan bahagia, pada tahun saka 606 hari kedua bulan terang bulan caitra, itulah waktunya taman sriksetra ini diperbuat dengan arahan dapunta hyang sri jayanasa. Ini harapan dapunta hyang: semuanya yang ditanam di sini; nyiur, pinang, enau, rumbia dan pohon lain yang boleh dimakan buahnya, serta aur, buluh betung dan yang semacam itu; demikian juga taman-taman lainnya dengan empangan, kolam dan semua perbuatan baik yang kuperbuat, dimaksud untuk kebahagiaan semua makhluk yang bergerak dan tidak bergerak, dan semoga cara ini merupakan cara terbaik bagi mereka untuk beroleh kegembiraan di kemudian hari. Semoga mereka mendapat makanan dan air sekiranya mereka lapar di perjalanan. Semoga semua ladang dan kebun yang mereka tanami subur.

Sumber: Noriah (1999: 50-51)

- [a] Berdasarkan **Data 1a dan 1b** kenal pasti perkataan-perkataan bahasa Melayu kuno, sama ada yang kekal atau yang berubah bentuknya, yang masih digunakan sehingga sekarang ini. Sekiranya perkataan-perkataan tersebut mengalami perubahan, huraikan perubahan-perubahan yang dimaksudkan berserta dengan contoh yang sesuai.

[50 markah]

- [b] Apakah vokal-vokal yang wujud dalam bahasa Melayu kuno? Kemukakan sebab-sebab vokal tertentu dalam bahasa Melayu moden tidak ada dalam bahasa Melayu kuno.

[50 markah]

2. Jawab soalan [a] dan [b].

- [a] Asmah (1988: 392) mendefinisikan masyarakat zaman Melayu klasik sebagai "... zaman masyarakat Melayu yang sudah mengenali huruf ... kegiatan penulisan/perakaman dalam bentuk tulisan telah bertanggungjawab dalam menstabilkan sebutan bahasa dan sebutan ini menjadi tolok (model) bagi masyarakat penutur pada amnya." Ulaskan maksud pernyataan ini.

[50 markah]

- [b] Dari segi fungsi, bahasa Melayu klasik sebenarnya melanjutkan tradisi bahasa Melayu kuno. Kemukakan **DUA** fungsi bahasa Melayu klasik sebagaimana yang dimaksudkan di dalam pernyataan ini.

[50 markah]

3. Huraikan tiga kesan penjajahan Barat terhadap perkembangan bahasa Melayu pada zaman pramerdeka.

[100 markah]

Bahagian B:

4. Jawab soalan [a] dan [b] menggunakan maklumat di dalam **Data 2**.

Data 2

***ber-* AT, *ber-* ST dan *ber-* PT dari abad ke-17 sehingga abad ke-20 selepas tahun 1930**

ber-

Periode	AT	ST	PT	AT/PT (taksa)	Total
Abad ke-17	126 (47%)	101 (38%)	11 (4%)	25 (10%)	263
Abad ke-18	34 (7%)	379 (83%)	3 (1%)	41 (9%)	456
Abad ke-19 hingga 1856	96 (13%)	664 (84%)	11 (1%)	18 (2%)	789
Abad ke-19 selepas 1856	35 (6%)	553 (92%)	4 (1%)	7 (1%)	599
Abad ke-20 hingga 1930	15 (4%)	330 (96%)	0 (0%)	0 (0%)	345
Abad ke-20 selepas 1930	0 (0%)	188 (100%)	0 (0%)	0 (0%)	188

AT (Action Trigger)
ST (Subject Trigger)
PT (Patient Trigger)

Sumber: Diubahsuaikan daripada Syed Zainal Ariff (2001: 154)

[a] Berdasarkan **Data 2** di atas, apakah perbezaan fungsi gramatis dan makna imbuhan *ber-* bahasa Melayu pada abad ke-17 dan abad ke-18 dibandingkan dengan sekarang?

[50 markah]

[b] Bincangkan perbezaan fungsi gramatis dan makna Roolvink (1965) dengan Adelaar (1984) pada abad ke-17 dan abad ke-18.

[50 markah]

5. Apabila menganalisis ayat-ayat bahasa Melayu klasik untuk menentukan ragam ayat-ayatnya sama ada transitif, tak transitif atau pasif kita akan menghadapi masalah dengan sebilangan ayat yang tidak dapat dikategorikan ke dalam tiga ragam ayat tersebut. Ayat-ayat ini dinamakan ayat-ayat taksa. Cumming (1990) telah menetapkan beberapa peraturan sebagai panduan untuk mengenal pasti ragam ayat-ayat ini. Dengan menggunakan panduan Cumming (1990), kenal pasti ayat-ayat berikut sama ada transitif, intransitif atau pasif.
- [a] KBN 15: 23 "Percayalah, adinda akan perhambakan abang."
[20 markah]
- [b] HRP 70: 11 "Dan jangan segera engkau berbuat sesuatu pekerjaan hingga baiklah mesyuaratmu."
[20 markah]
- [c] HMM 216: 27 "Jikalau dengan bahagia tuan hamba, dapat hamba berdayakan dia!"
[20 markah]
- [d] HHT 439: 29 "Pergilah mamak Bendahara dan Laksamana perbaiki negeri Bentan itu, kita hendak merajakan anak ..."
[20 markah]
- [e] TAN 417: 6 "Maka di dalam tengah-tengah berbuat istana dan masjid itu."
[20 markah]
6. Jawab soalan [a], [b], [c], [d], dan [e] yang berikut:
- [a] Jelaskan pendapat Adelaar (1984) tentang hubungan antara bahasa Melayu lama dengan bahasa Melayu klasik dan moden.
[20 markah]
- [b] Bagaimanakah terjadinya imbuhan *-kan* dalam bahasa Melayu? Antara *-kan* dan *-i*, imbuhan manakah yang lebih tua? Berikan hujah untuk menyokong kenyataan anda.
[20 markah]